

26 JUL 1997

Asean-Anugerah

PRESIDEN MIMOS TERIMA ANUGERAH ASEAN

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos Berhad Tengku Datuk Dr Azzman Shariffadeen akan menjadi penerima Anugerah Pencapaian Asean Kelima dalam bidang Teknologi Maklumat (IT).

Tengku Azzman adalah seorang dari tiga rakyat Malaysia dalam senarai 11 penerima anugerah tahun ini.

Dua lagi rakyat Malaysia yang menerima anugerah dalam kategori lain ialah Presiden Majlis Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir dan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Datuk Dr Ahmad Zaharudin Idrus.

Presiden Forum Perniagaan Asean, Tan Sri Datuk Dr Loy Hean Heong, yang mengumumkan pemenang anugerah itu dalam satu sidang berita di sini hari ini berkata penyampaian rasmi anugerah itu akan diadakan pada 7 Ogos di Jakarta.

"Pencalonan bagi pelbagai kategori anugerah itu telah dibuat sejak dua bulan lalu melalui iklan, liputan berita dan surat," kata beliau.

Tengku Azzman, yang juga setiausaha tetap Majlis IT Kebangsaan Malaysia, memenangi anugerah itu dalam kategori IT kerana sumbangannya kepada pembangunan IT di negara ini.

Beliau menerima ijazah kedoktoran dan sarjana dari Universiti Manchester, Institut Sains dan Teknologi dan beliau pernah menjadi Dekan Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya.

Marina memenangi anugerah itu dalam kategori perkhidmatan masyarakat sebagai pengiktirafan kepimpinan dan penyertaan aktifnya dalam kerja-kerja kemasyarakatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, kata Dr Loy.

Dr Ahmad Zaharuddin menerima anugerah dalam kategori sains dan di antara pencapaiannya ialah penubuhan Biro Pengendalian Makanan Asean.

Anugerah utama, iaitu Ahli Perniagaan Asean bagi tahun ini dimenangi oleh Pengerusi Bakrie Group of Companies dari Indonesia, Ir Aburizal Bakrie.

Penerima anugerah yang lain, dari Indonesia (Perniagaan dan Penjagaan Alam Sekitar), Thailand (Perubatan dan Sukan), Filipina (Visual dan Seni Persembahan, dan Kejuruteraan) dan Singapura (Pendidikan, Penyelidikan dan Pembangunan). -- BERNAMA

NI RM RI